



Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM, 100-2/2/3 JLD. 3 (19)
Tarikh : 6 Mei 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MMC 26473)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
7/5

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 17/2021 (25 April hingga 1 Mei 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 17/2021 dari 25 April hingga 1 Mei 2021)

Pada minggu ke-17, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 35 kes (7.1%), menjadikan jumlah kes 461 berbanding 496 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-17. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 9,270 kes berbanding 39,002 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 76.2% (29,732 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak lima (5) kematian berbanding 64 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 59 kematian (92.2%) **(Lampiran A & C)**. Peningkatan satu (1) lokaliti hotspot menjadikan jumlah tiga (3) lokaliti hotspot pada minggu ke-17 berbanding dua (2) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 19 kes pada minggu ke-17 yang mana 11 kes dari Johor, tiga (3) kes dari Pulau Pinang, masing-masing dua (2) kes dari Kedah dan Kelantan serta satu (1) kes dari Perak. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 458 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 473 sampel darah dan 15 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, gerakkanlah seluruh ahli keluarga dan masyarakat setempat untuk melakukan aktiviti pembersihan sendiri samada di dalam mahupun di persekitaran rumah bagi memastikan bekas-bekas potensi pembiakan Aedes dilupuskan. Bagi masyarakat yang terlibat dengan pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini, gunakan waktu luang sewaktu tempoh tersebut untuk melakukan aktiviti pembersihan serta cari dan musnah tempat pembiakan Aedes. Segala barang-barang lusuh yang tidak diperlukan seperti perabut lama, akuarium terpakai, tong cat terpakai, pelbagai bekas terpakai dan sebagainya hendaklah di buang secara berhemah atau dilakukan proses kitar semula.

Pemilik premis yang perlu meninggalkan premis dalam tempoh waktu yang lama juga perlu pastikan tiada bekas atau struktur yang boleh menampung air di persekitaran premis agar tidak menjadi ancaman Denggi kepada jiran tetangga yang lain. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di bekas takungan air seperti di tangki pam tandas atau kolah air. Semaikan sifat bertanggungjawab dalam diri agar komuniti terhindar dari jangkitan Demam Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


Mei 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 16 dan ke- 17 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 17 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-17 tahun 2021

Lampiran C

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 17/2021
(25 April hingga 1 Mei 2021)**

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan | | | | Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 17/2021 | | Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 17/2020 | |
|------|-------------------|---|----------|---|----------|--|----------|--|-----------|
| | | Minggu 17 (25 April – 1 Mei 2021) | | Minggu 16 (18 April – 24 April 2021) | | | | | |
| | | Kes | Mati | Kes | Mati | Kes | Mati | Kes | Mati |
| 1 | Perlis | 1 | 0 | 0 | 0 | 4 | 0 | 18 | 0 |
| 2 | Kedah | 9 | 0 | 11 | 0 | 131 | 0 | 347 | 0 |
| 3 | P. Pinang | 5 | 0 | 7 | 0 | 166 | 0 | 322 | 1 |
| 4 | Perak | 8 | 0 | 10 | 0 | 207 | 0 | 1,281 | 1 |
| 5 | Selangor | 266 | 0 | 314 | 0 | 5,231 | 1 | 23,402 | 25 |
| 6 | WP KL & Putrajaya | 57 | 0 | 48 | 0 | 1,019 | 1 | 3,243 | 4 |
| 7 | N. Sembilan | 14 | 0 | 5 | 0 | 239 | 1 | 880 | 2 |
| 8 | Melaka | 14 | 0 | 12 | 0 | 323 | 0 | 743 | 4 |
| 9 | Johor | 56 | 0 | 38 | 0 | 887 | 1 | 3,242 | 11 |
| 10 | Pahang | 5 | 0 | 7 | 0 | 207 | 1 | 978 | 2 |
| 11 | Terengganu | 0 | 0 | 0 | 0 | 17 | 0 | 113 | 0 |
| 12 | Kelantan | 1 | 0 | 4 | 0 | 91 | 0 | 1,449 | 2 |
| 13 | Sarawak | 7 | 0 | 13 | 0 | 162 | 0 | 905 | 2 |
| 14 | Sabah | 17 | 0 | 26 | 0 | 582 | 0 | 2,075 | 10 |
| 15 | WP Labuan | 1 | 0 | 1 | 0 | 4 | 0 | 4 | 0 |
| | MALAYSIA | 461 | 0 | 496 | 0 | 9,270 | 5 | 39,002 | 64 |

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 17/2021
(25 April hingga 1 Mei 2021)**

| NO | NEGERI | DAERAH | LOKALITI | BIL KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|-----------|---------------|----------------|-------------------------------------|----------------|----------------------------|
| 1 | SELANGOR | Hulu Langat | Jln Impian Murni 2&3 Saujana Impian | 19 | 69 |
| 2 | SELANGOR | Kuala Selangor | Desa Coalfield (2/1-2/9) | 32 | 48 |
| 3 | SELANGOR | Hulu Langat | Jln Impian Murni Saujana Impian | 11 | 34 |

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 17/2021 (1 Mei 2021)**

| BIL | NEGERI | DAERAH | BIL KES (Daerah) | BIL KES (Negeri) | |
|-------------------------|-----------------|-----------------------|---------------------|---------------------|--|
| 1. | Johor | Johor Bahru | 2 | 43 | |
| | | Kluang | 1 | | |
| | | Muar | 3 | | |
| | | Segamat | 7 | | |
| | | Tangkak | 30 | | |
| 2. | Kedah | Baling | 1 | 82 | |
| | | Kota Setar | 1 | | |
| | | Kuala Muda | 54 | | |
| | | Kulim | 21 | | |
| | | Langkawi | 1 | | |
| 3. | Kelantan | Sik | 4 | 11 | |
| | | Gua Musang | 1 | | |
| | | Kuala Krai | 3 | | |
| | | Pasir Mas | 1 | | |
| | | Pasir Puteh | 1 | | |
| | | Tanah Merah | 1 | | |
| 4. | Melaka | Tumpat | 4 | 15 | |
| | | Alor Gajah | 1 | | |
| 5. | Perak | Melaka Tengah | 14 | 124 | |
| | | Kinta | 3 | | |
| | | Kuala Kangsar | 16 | | |
| | | Larut Matang & Selama | 17 | | |
| 6. | Pulau Pinang | Manjung | 88 | 22 | |
| | | Barat Daya | 11 | | |
| | | SP Selatan | 1 | | |
| | | SP Tengah | 2 | | |
| | | SP Utara | 6 | | |
| 7. | Selangor | Timur Laut | 2 | 71 | |
| | | Gombak | 3 | | |
| | | Hulu Langat | 17 | | |
| | | Klang | 50 | | |
| 8. | WP Kuala Lumpur | Petaling | 1 | 90 | |
| | | Kepong | 72 | | |
| | | Lembah Pantai | 3 | | |
| | | | Titiwangsa | 15 | |
| JUMLAH KUMULATIF | | | 458 | | |

